

7 Mei 2021

EP04310001

Kepada: Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN MSPO KE ATAS PENINSULA PLANTATIONS SDN. BHD.

Peninsula Plantations Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "Malaysian Sustainable Palm Oil" (MSPO), MS 2530:2013.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketuluan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut :

- | | | | |
|----|--|---|--|
| 1. | Nama unit pengurusan | : | Peninsula Plantations Sdn Bhd |
| 2. | Tarikh mula audit | : | 8 Jun 2021 |
| 3. | Tarikh akhir audit | : | 9 Jun 2021 |
| 4. | Lokasi audit | : | 46 M.S, 86200 Simpang Renggam, Johor, Malaysia |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | 1,380.40 ha |
| 6. | Standard yang digunakan | : | MS 2530-3:2013
Standard ini boleh dibeli melalui
http://www.msonline.gov.my/catalog.php |
| 7. | Ahli pasukan audit dan bidang pakperakan | : | Ahzahar Amir
Borhan Abdul Aziz |




Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan sebelum **8 Jun 2021**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami <http://www.sirim-qas.com.my>.

Sekian terima kasih.

Yang benar:



Kamini A/P Sooriamoorthy
Head
Food, Agriculture and Forestry Section
SIRIM QAS International Sdn Bhd.

BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian :
Cik Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua
Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd,
Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel : 03-55446448
Fax: 03-55446763
Email : kamini@sirim.my

MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO DI _____

Saya merujuk kepada surat bertarikh untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan

Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

Isu berkaitan pematuhan undang-undang Sila huraikan: _____

Isu berkaitan aspek sosial Sila huraikan: _____

Isu berkaitan alam sekitar Sila huraikan: _____

Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan Sila huraikan: _____

Lain-lain Sila huraikan: _____

Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut :

Nama : _____

Jawatan : _____

No. telefon : _____

Alamat email : _____

Terima kasih

Yang ikhlas,

.....
Nama :
Alamat:
No. tel